

TARIKH	14 / 9 / 2016	SEKSYEN	DUNIA
MUKA SURAT	49	RUANGAN	

Jemaah puji pengurusan haji tahun ini

MINA - Beberapa langkah keselamatan yang dititikberatkan oleh kerajaan Arab Saudi dalam pengurusan haji tahun ini mendapat pujian para jemaah dari seluruh dunia yang berpuas hati dengan pelaksanaannya.

Kelmarin, jutaan jemaah kembali ke Mina, lokasi tragedi rempuhan maut ketika melakukan ibadah melontar jamrah berhampiran Mekah untuk melengkapkan rukun haji.

"Saya menjangka perkara yang buruk, namun semuanya

berjalan dengan lancar dan sempurna. Anggota polis Arab Saudi berjaya mengawal jemaah haji dengan baik," kata seorang jemaah dari Perancis yang mahu dikenali sebagai Abdullah, 33.

Seorang lagi jemaah dari Arab Saudi, Ibrahim Ayed, 40, turut mengakui banyak perkara telah ditingkatkan terutama dalam aspek keselamatan.

Tahun lalu, insiden rempuhan yang berlaku di Mina disifatkan sebagai yang terburuk dalam

sejarah haji. Riyadh mengeluarkan jumlah kematian sebanyak 769 orang, bagaimanapun jumlah daripada pegawai asing di lebih 90 buah negara mencatatkan kira-kira 2,300 mangsa yang terkorban.

"Jemaah yang melalui beberapa tanjakan ke arah Jambatan Jamrah untuk melakukan ibadah melontar berjalan lancar di bawah pemantauan keselamatan yang tinggi dan tanpa sebarang insiden," kata jurucakap Menteri Haji Arab Saudi. - AFP



JEMAAH haji berjalan menuju ke Jambatan Jamarat untuk melaksanakan ibadah melontar di Mina kelmarin.

REUTERS